

30 SEP 2001

Kadir-OIC

PERSIDANGAN TINGKAT KERJASAMA SEKTOR PELANCONGAN NEGARA ISLAM

Oleh: Farhanah Azmi

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia akan memastikan agenda yang disusun dan dibincangkan pada Persidangan Menteri-Menteri Pelancongan Islam ke-2 di sini bulan depan sebagai sesuatu yang praktikal.

"Sebagai tuan rumah kali ini, kita berazam untuk menjadikan agenda yang disusun kali ini adalah sesuatu yang praktikal dan boleh diguna pakai untuk pembangunan bidang pelancongan negara peserta," kata Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata persidangan itu yang menghimpunkan menteri-menteri pelancongan dari negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), akan berbincang mengenai hala tuju perkembangan industri pelancongan di negara masing-masing.

"Beberapa usul akan dibentangkan pada persidangan ini yang khusus untuk memajukan bidang pelancongan di negara-negara Islam. Beberapa resolusi juga akan dibuat pada perbincangan itu," katanya ketika dihubungi Bernama.

Persidangan itu akan dimulakan dengan mesyuarat peringkat Pegawai Kanan pada 10 dan 11 Okt di ibu negara dan diikuti dengan persidangan peringkat Menteri-Menteri Pelancongan Islam pada 12 dan 13 Okt.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan persidangan yang penyertaannya dibuka kepada kesemua 56 negara anggota itu.

"Kalau boleh kita tidak mahu persidangan itu hanya tinggal persidangan semata-mata dan hasilnya tidak diimplementasikan oleh peserta persidangan selepas itu. Fokus penting kita pada persidangan itu ialah untuk menggalakkan kerjasama dalam sektor pelancongan antara negara Islam," katanya.

Beliau juga berharap isu yang dibangkitkan pada perbincangan kali ini tidak akan menyentuh isu-isu lain supaya fokus perbincangan terhadap perkembangan dan kemajuan bidang pelancongan negara-negara Islam tidak lenyap dan terpinggir.

Menyentuh mengenai perkembangan di Amerika Syarikat berikutan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York, Abdul Kadir berkata persidangan itu akan dilangsungkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Walaupun wujud atau berlakunya krisis berikutan kejadian di Amerika Syarikat itu, saya dapati jemputan yang dipanggil masih memberi respons yang baik untuk hadir dan mereka telahpun menyatakan persetujuan untuk hadir," katanya.

Katanya sambutan daripada negara-negara anggota OIC adalah baik dan sehingga kini kementerian itu terus menerima jawapan persetujuan untuk hadir ke persidangan berkenaan.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan jumlah negara yang telah memberi persetujuan setakat ini.

Abdul Kadir berkata Malaysia, pada masa yang sama juga, akan menggunakan peluang berlangsungnya persidangan itu untuk menarik minat pelancong dari negara peserta untuk melawat negara ini.

"Kita akan gunakan kesempatan itu untuk mengadakan kempen menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di kalangan negara-negara Islam," katanya.

Pada persidangan itu, para menteri dan pegawai kanan sektor pelancongan negara anggota akan turut dibawa melawat beberapa tempat menarik di Malaysia.

Katanya menteri dan pegawai kanan yang menghadiri persidangan kali ini turut ditawarkan pakej lawatan pra-persidangan pada tarikh ketibaan mereka

ke sini pada 9 Okt.

Abdul Kadir berkata dua pakej yang ditawarkan itu ialah melawat destinasi pelancongan menarik di sekitar Kuala Lumpur atau Putrajaya. Mereka juga boleh memilih untuk mengikuti kedua-dua pakej itu serentak.

Selain itu, peserta persidangan juga ditawarkan pakej pelancongan selepas persidangan ke destinasi menarik seperti Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Melaka Bandar Bersejarah, katanya.

Menurutnya pakej pelancongan itu diharap dapat memperlihatkan kepelbagaian budaya, bangsa dan keindahan alam sekitar yang dimiliki Malaysia.

Sempena persidangan itu juga, Abdul Kadir berkata seminar sehari mengenai pelancongan akan diadakan yang turut membabitkan sektor swasta.

Pameran Pelancongan dan Perdagangan 2001 juga turut diadakan, katanya.

-- BERNAMA

FA AFY LAT